



**PERANAN KOLEJ KOMUNITI TEMERLOH TERHADAP PELAKSANAAN
PEMBELAJARAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH)**

**[THE ROLE OF TEMERLOH COMMUNITY COLLEGE IN THE
IMPLEMENTATION OF LIFELONG ISLAMIC LEARNING (PISH)]**

MOHD FAZLI KHAISUNIZAM ISMAIL NORSARITANAINI MAHASAN & NURUL ANIS AZMI ^{1*}

1* Kolej Komuniti Temerloh, 28400 Mentakab, Pahang, MALAYSIA.

2 Fakulti Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300 Kuala Nerus, Terengganu, MALAYSIA

Correspondent Email: fazli@kkmen.edu.my

Received: 21 April 2023

Accepted: 27 May 2023

Published: 30 June 2023

Abstrak: Tujuan utama penubuhan kolej komuniti di Malaysia ialah untuk memperkasakan pendidikan berbentuk *Technical and Vocational Education Training* (TVET) di Malaysia. Di samping itu, matlamat penduanya adalah pelaksanaan kursus sepanjang hayat untuk komuniti setempat dan golongan sasaran. Keadaan ini sejajar dengan peningkatan dan permintaan kursus pembelajaran sepanjang hayat (PSH). Kajian ini bermatlamat untuk meneliti dan menganalisis penerimaan serta penglibatan komuniti dalam kursus Pengajian Islam Sepanjang Hayat (PISH) iaitu pembelajaran sepanjang hayat yang berasaskan pendidikan Islam di Kolej Komuniti Temerloh. Kajian ini adalah kajian kualitatif berbentuk analisis kandungan. Data kajian diperolehi melalui fail sumber primer dalam rekod kursus PISH Kolej Komuniti Temerloh. Data ini ditambah baik dari sumber sekunder berbentuk dapatan khidmat pelanggan dan laporan berkaitan dengan PISH di samping pemerhatian pengkaji ke atas peserta kursus. Kajian mendapati, penerimaan dan penglibatan komuniti dalam kursus berkaitan PISH meningkat serta relevan dikekalkan. Bagaimanapun, terdapat persoalan tentang bagaimana kewujudan Kolej Komuniti Temerloh berperanan dalam melaksanakan pembelajaran Islam sepanjang hayat. Berdasarkan penelitian ini, kajian akan mengupas peranan kolej komuniti sebagai sebuah institusi yang melibatkan pembelajaran Islam sepanjang hayat (PISH) melalui pemerhatian daripada penyertaan bagi setiap kursus sebagai satu transformasi kepada pembangunan pelajar serta komuniti.

Kata kunci: Kolej Komuniti Temerloh; Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat, Komuniti, Temerloh; Pahang.

Abstract: The main objective of establishing community colleges in Malaysia is to strengthen Technical and Vocational Education Training (TVET) in Malaysia. In addition, its goal is to implement lifelong learning courses for the local community and targeted groups. This is in line with the increasing demand for lifelong learning courses. This study aims to examine and analyze the acceptance and involvement of the community in the Lifelong Islamic Studies (PISH) course, which is an Islamic-based lifelong learning program at Kolej Komuniti Temerloh. This is a qualitative study in the form of content analysis. The research data was obtained through primary sources from the records of the PISH course at Kolej Komuniti Temerloh. This data was supplemented by secondary sources such as customer service findings and reports related to PISH, as well as observations by the researchers on course participants. The study found that the acceptance and involvement of the community in the PISH-related courses have increased and remained relevant. However, there are questions about how the existence of Kolej Komuniti Temerloh contributes to the implementation of lifelong Islamic education. Based on this

research, the study will explore the role of community colleges as an institution involved in lifelong Islamic learning (PISH) through observation of participation in each course as a transformation for student and community development.

Keywords: Kolej Komuniti Temerloh; Lifelong Islamic Learning, Community, Temerloh; Pahang.

Cite This Article:

Mohd Fazli Khaisunizam Ismail, Norsaritanaini Mahasan & Nurul Anis Azmi. 2023. Peranan Kolej Komuniti Temerloh Terhadap Pelaksanaan Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) [The Role Of Temerloh Community College In The Implementation Of Lifelong Islamic Learning (PISH)]. *QALAM International Journal of Islamic and Humanities Research*. 3(2), 42-53.

PENGENALAN

Kolej Komuniti dalam rekod sejarah negara pernah digesa penubuhannya melalui Parlimen Malaysia semenjak 1989. Gesaan ini dibuat oleh Yang Berhormat Tuan Ong Tee Kiat dalam parlimen dengan menyasarkan pihak swasta sebagai peneraju kolej ini (DR.01111989). Gesaan ini dibuat untuk memperkasa pendidikan berbentuk kemahiran dalam negara di samping membesarkan peluang pengajian serta mengurangkan pengaliran wang keluar negeri (DR.13111989). Sebutan mengenai pembukaan kolej komuniti direalisasikan melalui belanjawan kerajaan tahun 2000 dan dibincangkan dalam bulan November 2010. Hingga kini, kolej komuniti telah mencapai umur sedekad semenjak ditubuhkan pada tahun 2001 (Razzian et al 2017). Antara reaksi positif atas cadangan belanjawan oleh Menteri Kewangan dibuat oleh Ahli Parlimen Rompin dengan menyatakan: ...usaha dan cadangan yang amat baik sekali. Sebab sekarang ini bila mereka belajar kos untuk pengajian tinggi, kolej atau universiti, kos yang paling besar atau separuh daripada kos untuk sara hidup mereka... (DR.02111999). Kenyataan ahli parlimen menunjukkan sokongan terhadap penubuhan kolej. Pendasaran terhadap khidmat di kawasan komuniti merupakan satu dari matlamat kolej. Hal ini seterusnya direalisasikan dengan pembelajaran sepanjang hayat.

Kenyataan ini menyifatkan kolej komuniti perlu berada dengan masyarakat dengan tidak memberi implikasi kewangan yang besar terhadap mereka. Selain itu, Ahli Parlimen Balik Pulau Dr. Nungsari Ahmad Radhi turut sama menyokong penubuhan kolej komuniti dengan memberi penekanan terhadap pembelajaran sepanjang hayat. Kenyataan beliau direkodkan:

Suri rumah misalnya tidak ada salah umur 40 tahun, 50 tahun pun kalau hendak pergi ke kolej komuniti ini untuk memperbaiki kemahiran-kemahiran tertentu yang ada pada diri mereka. Ataupun mereka yang sudah bekerja boleh mendapat kemahiran-kemahiran yang tertentu. Mereka yang berniaga boleh mendapat kemahiran-kemahiran yang tertentu kalau semua program ini ada dibekalkan di dalam kolej-kolej komuniti yang saya sebutkan tadi. Apa salahnya orang yang berumur 50 tahun pergi ke kolej komuniti untuk belajar kursus fotografi walaupun ia tidak mempunyai tujuan untuk membentuk karier dalam bidang itu tetapi sebagai memperkayakan dirinya sendiri. Apa salahnya seorang ibu pergi ke satu kolej komuniti dia sudah berumur 50 tahun tetapi dia hendak belajar mungkin tentang psikologi kanak-kanak atau dia hendak belajar tentang kemahiran-kemahiran yang tertentu bukan untuk tujuan komersial, bukan untuk tujuan hendak cari pekerjaan yang lain tetapi untuk memperkayakan dirinya untuk dia mencapai potensi dirinya sebagai seorang manusia. Apa salahnya kalau kita hendak pergi

belajar kalau sudah pencen 55 tahun pergi belajar untuk cari satu *second career* misalnya (DR.03111999).

Selain itu, Dato' Mohd Sarit Yusoh (Ahli Parlimen Temerloh) turut senada menyokong usaha penubuhan kolej komuniti pasca penubuhannya dengan menyatakan: ...Saya kira kalau Singapura boleh berbangga dengan keupayaan guna tenaganya yang efisien, fleksibel dan berkelayakan, kualiti yang boleh menjamin pelaburan di pulau Singapura, Malaysia juga saya kira mestilah merancang guna tenaga yang sedemikian rupa supaya pelaburan di luar negara akan terjamin. (DR.03042001). Kenyataan mendukung penghasilan tenaga kerja yang berkemahiran. Hal ini boleh dilahirkan di kolej komuniti menggunakan pendekatan kursus sepenuh masa. Manakala, pendekatan pembelajaran sepanjang hayat pula untuk *upskilling* dan *reskilling* tenaga kerja.

Berdasarkan petikan perbahasan berkenaan kolej komuniti seperti di atas, dapatlah disimpulkan bahawa dukungan penubuhan kolej komuniti ada bertujuan untuk komuniti. Komuniti sasaran bukan sahaja untuk memberi peluang kedua pada belia, tetapi juga sebagai medan pembelajaran sepanjang hayat. Berdasarkan memorandum No 398/2225/00 yang dikemukakan Menteri Pendidikan pada tahun 2000, penubuhan kolej komuniti telah berjaya direalisasikan dengan penubuhan 12 kolej pada tahun 2001. Sehingga tahun 2014, jumlah kolej komuniti adalah sebanyak 91 buah (Amir Md Noor, 2014).

PENYATAAN MASALAH KAJIAN

Penubuhan kolej komuniti dalam konteks pembelajaran Islam sepanjang hayat (PISH) membawa peranan penting kepada setiap masyarakat melalui pendidikan agama Islam sebagai usaha dalam memperkasakan bidang kemahiran melalui pelbagai kursus. Sebelum menjelang tahun 2025, visi dan misi kolej komuniti adalah menjadi peneraju kepada institusi TVET yang terbaik serta membangunkan komuniti setempat sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih melalui PSH. Berdasarkan misi dan visi tersebut, kolej komuniti dalam Malaysia secara keseluruhan telah menerima 1.3 juta penyertaan sehingga tahun 2013. Angka tersebut meningkat tahun demi tahun sesuai dengan pertambahan bilangan kolej komuniti di seluruh Malaysia. Oleh itu, pelaksanaan Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) dapat dijadikan penggerak utama dalam menyatukan ilmu duniawi dan pendidikan Islam. Pembelajaran PISH ini tidak terhad kepada golongan yang tertentu sahaja malah berterusan kepada seluruh komuniti terutamanya mereka yang mempunyai masalah untuk membuka peluang mempelajari budaya dan cara hidup berteraskan agama tanpa sekatan. Pendekatan PSH telah menyumbang pelbagai kebaikan kepada kemajuan komuniti dalam melahirkan individu yang berpengetahuan dan berkemahiran melalui program tersebut. Selain itu, penyertaan kursus ini bukan sahaja untuk golongan belia malah terbuka kepada warga emas di setiap kolej komuniti. Pada tahun 2018, statistik pendaftaran Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) mempunyai jumlah peserta 323 orang dan meningkat kepada 144 angka pada tahun 2019. Setiap penglibatan yang telah ditawarkan adalah merangkumi pelbagai kursus seperti mahir membaca al-Quran dan sulaman benang Maahad Tahfiz Faqeh. Selain itu, angka terkini dalam tahun 2022 menunjukkan seramai lebih peserta mengikut program atau kursus berbentuk PISH di politeknik dan kolej komuniti di Malaysia (Mohd Ismail Abd Aziz, 2018).

Kesemua angka-angka ini menunjukkan penerimaan dan keselarian visi serta misi kolej komuniti. Bagaimanapun, di peringkat kolej komuniti Termerloh, tiada persembahan data seperti di atas bagi menunjukkan penerimaan komuniti di samping pencapaian visi dan misi penubuhan. Keperluan kajian tentang penyertaan masyarakat dalam kursus pembelajaran sepanjang hayat di Kolej Komuniti disokong menerusi kajian Mohd Faizullah, Badaruddin & Norlida (2014). Kajian ini menyarankan supaya penyertaan masyarakat dalam kursus pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) terus digalakkan. Oleh itu, kajian ini akan memberi penumpuan terhadap peranan kolej komuniti Termerloh terhadap pelaksanaan kursus PISH dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, kajian ini akan turut meneliti penyertaan kursus PISH yang ditawarkan di Kolej Komuniti Termerloh. Selanjutnya, kajian ini akan menyoroti penerimaan masyarakat dari sudut penyertaan kursus PISH di Kolej Komuniti Termerloh dengan mengimbalkan pada komposisi penduduk.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan mengaplikasi pendekatan kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan dua kaedah untuk pemerolehan data. Kaedah pertama menerusi data bersumber primer yang berbentuk fail laporan kursus sepanjang hayat yang disediakan di bawah Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat, Kolej Komuniti Termerloh. Data tersebut berbentuk rekod peserta dari segi penjumlahan, demografi dan jenis kursus. Seterusnya data turut diperolehi menerusi muatan atas talian kolej komuniti seluruh Malaysia berkenaan penglibatan dan pencapaian penganjuran kursus sepanjang hayat. Selain itu, pemerhatian turut digunakan untuk mengesahkan data-data yang terdapat dalam sumber primer tersebut.

Penganalisan data menggunakan tatacara deskriptif dan deduktif. Data sumber primer yang dikumpulkan dan dilaporkan secara deskriptif. Selanjutnya, data dibahagikan pada pemerincian kajian iaitu demografi dengan tumpuan pada kaum dan penglibatan kaum menurut jenis kursus yang dihadiri. Pemerincian ini diasingkan bagi melihat penglibatan kaum dan menggunakan tatacara deduktif.

DEFINISI OPERASIONAL

i. Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) ialah satu proses pendidikan melalui kemahiran serta penguasaan yang diterapkan dalam pelbagai bentuk kursus sebagai latihan pengukuhan kepada masyarakat. Kumpulan sasaran pelaksanaan PSH ini melibatkan pelajar sekolah, institusi pengajian tinggi, lepasan sekolah, kakitangan kerajaan dan lain-lain. PSH juga berkonsepkan kelas sepenuh masa, kursus pendek, pembelajaran Islam sepanjang hayat (PISH) dan sebagainya.

ii. Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH)

Konsep Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) bagi kolej komuniti melibatkan beberapa kategori iaitu pendidikan Islam berterusan kepada masyarakat. Kedua, pendidikan duniawi

kepada pelajar tahfiz, pelajar sekolah pondok, pelajar maahad serta institusi agama Islam yang lain. PISH merupakan salah satu elemen pembelajaran sepanjang hayat melalui penawaran kursus kemahiran dan keagamaan yang ditawarkan mengikut kesesuaian komuniti. Pelaksanaan PISH ini memberi sumbangan yang besar kepada agama, masyarakat dan negara menerusi kolaborasi kursus duniawi serta ukhrawi secara efektif kepada masyarakat terutamanya golongan sasaran PISH.

PERBEZAAN PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT (PSH) DAN PEMBELAJARAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH)


Kursus pendek yang ditawarkan oleh kolej komuniti adalah melibatkan semua lapisan masyarakat sebagai satu proses pembelajaran untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan serta taraf sosio-ekonomi melalui kursus yang fleksibel dan mudah alih. PSH dan PISH adalah pembelajaran yang berkongsi kluster daripada kursus yang sama iaitu sebanyak 22 kursus. Antaranya ialah catering dan sajian, pembangunan diri, kerohanian dan keagamaan dan sebagainya. Seterusnya, PSH melibatkan satu modul latihan kemahiran dalam jangka masa pendek berasaskan proses kerja sebenar yang dilaksanakan tanpa ujian dan penilaian. Dalam pada itu, kursus yang ditawarkan dalam PSH terbuka kepada setiap masyarakat daripada pelbagai kaum dan agama.

Konsep Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) pula merupakan inisiatif di bawah Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang menggabungkan latihan kemahiran dan pendidikan agama. Kewujudan PISH ini adalah berasaskan pelan induk 2017-2025 iaitu telah menggariskan dua aspirasi. Pertama, semua pelajar di institusi tahfiz dan pelajar pondok diberikan ilmu kemahiran TVET dan keusahawanan. Keduanya, program ini juga ditawarkan kepada seluruh umat Islam untuk mendapat peluang yang luas dalam mengikuti PISH seperti kelas mengaji, hafazan, pembelajaran berkaitan ilmu akidah dan lain-lain. Oleh itu, pembelajaran pendidikan Islam berterusan dapat memberikan impak yang positif kepada komuniti dari pelbagai aspek kehidupan.

ANALISIS DAN DAPATAN

Sasaran pencapaian atau KPI peserta kursus Pembelajaran Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Temerloh adalah seramai 2078 orang setahun bagi 2022. Pada tahun 2022, sistem pangkalan data e-PSH telah menunjukkan bahawa Kolej Komuniti Temerloh telah mencapai KPI peserta kursus iaitu seramai 5190 orang peserta. Sebanyak 233 kursus PSH dalam pelbagai kluster telah dilaksanakan bagi memenuhi permintaan komuniti setempat merangkumi kursus jangka pendek, Kursus Akaun Amanah Latihan Khas, Kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) dan Kursus Yang Berteraskan Elemen Revolusi Industri 4.0 (IR4.0). Daripada jumlah 5190, seramai 374 adalah kelompok PISH. Manakala, bilangan penduduk daerah Temerloh bagi tahun 2010 ialah 155 756 dengan kadar pertumbuhan sebanyak 1.34% dari tahun 2000 sehingga 2010. Menerusi data jabatan perangkaan, populasi penduduk Temerloh adalah seramai 169,023 individu. Angka ini menunjukkan perkembangan penduduk menerusi bancian 2020. Angka ini dari segi umur adalah 63.6% golongan bekerja, 31.4% anak-anak dan 5.0% adalah warga emas (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Manakala, berdasarkan rekod fail


kursus Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH), dapat menunjukkan turut berlaku perkembangan jumlah peserta yang terlibat. Perkembangannya adalah seperti berikut:



Rajah 1 Jumlah Peserta PISH Kolej Komuniti Temerloh 2020-2022


Sumber: Fail PSH Kolej Komuniti Temerloh, 2020-2022

Rajah di atas menunjukkan perbezaan jumlah peserta kursus PISH di Kolej Komuniti Temerloh yang bertambah sebanyak 232 peserta pada tahun 2021 berbanding 2020. Manakala pada tahun 2022, berlaku sedikit pengurangan dari jumlah peserta PISH iaitu sebanyak 13 orang. Mengikut analisis statistik PISH pada tahun 2019 adalah lebih tinggi berbanding tahun 2018 dengan pendaftaran sebanyak 467 orang peserta. Seterusnya, jumlah peserta semakin menurun pada tahun 2020 iaitu seramai 312 peserta. Perincian latar belakang peserta pula bagi tahun 2020 sehingga 2022 adalah seperti berikut:



Rajah 2 Peserta PISH berdasarkan Jantina 2020

Berdasarkan rajah 2, kursus PISH melibatkan sebanyak 59 lelaki dan 94 perempuan dari kategori orang persendirian atau peserta institusi. Manakala, peserta PISH berdasarkan jantina bagi tahun 2021 adalah:




Rajah 3 Peserta PISH berdasarkan Jantina 2021

Melalui rajah 3 di atas, seiring dengan jumlah keseluruhan peserta kursus bagi tahun 2021. Peningkatan turut berlaku dalam kategori ini dengan 172 peserta lelaki dan 213 peserta perempuan telah menyertai PISH. Jadual berikut pula menunjukkan peserta PISH berdasarkan jantina bagi tahun 2022:



Rajah 4 Peserta PISH berdasarkan Jantina 2022

Rajah 4 pula merupakan jumlah peserta terlibat bagi tahun 2022 iaitu seramai 152 lelaki dan 220 perempuan. Berikut adalah rajah komparatif peserta PISH berdasarkan jantina di Kolej Komuniti Temerloh:



Rajah 5: Komparatif peserta PISH berdasarkan Jantina di Kolej Komuniti Temerloh

Rajah 5 merupakan komparatif antara jantina bagi kaum Melayu. Menurut data PISH, tiada penglibatan dari komuniti selain Melayu bagi kursus terbabit. Hal ini disebabkan skop dan tujahan PISH adalah terarah pada pendidikan Islam atau kluster yang mengikuti pendidikan Islam. Selain itu, dalam daerah Temerloh juga tiada organisasi khusus dalam pendidikan Islam yang melibatkan mualaf atau muslim dari kaum lain. Bagaimanapun, tujahan kepada muslim dari kaum lain boleh dijadikan satu dari hala tuju atau sekurangnya berada dalam pengawasan jabatan pembelajaran sepanjang hayat. Selain itu, data komparatif ini juga menunjukkan penglibatan peserta wanita mendominasi dari tahun ke tahun. Penglibatan dan dominasi jantina mempunyai kaitan dengan jenis kursus ditawarkan. Berikut jadual taburan kluster penawaran:

Jadual 1 Kluster Penawaran Kursus PISH 2020

Bil	Kluster	Jumlah	
		Kursus	Peserta
1	Pemasaran Digital (<i>Facebook</i>)	1	25
2	Pemasaran Digital (<i>Instagram</i>)	1	25
3	Pengurusan Jenazah	1	40
4	Penyediaan Masakan Tradisional Melayu-Nasi Dagang Ikan Tongkol	1	35
5	Teknologi Pemprosesan Hasil Ikan (Bebola Ikan)	1	15
6	Teknologi Pemprosesan Hasil Ikan (Kek Ikan)	1	15
Jumlah Keseluruhan:		6	155

Jadual 2 Kluster Penawaran Kursus PISH 2021

Bil	Kluster	Jumlah	
		Kursus	Peserta
1	Asas Bacaan al-Quran	1	20
2	Asas Tajwid	1	20
3	Bengkel Pengkaedahan Jawi	2	50
4	Mahir Membaca al-Quran	2	10
5	Motivasi- Saya Hebat (pelajar UPKK tahun 5)	1	30
6	Motivasi- Saya Hebat (pelajar UPKK tahun 6)	1	33
7	Guntingan Rambut (gunting rambut <i>layer</i>)	1	26
8	Guntingan Rambut (guntingan rambut menggunakan <i>clipper</i>)	1	26
9	Guntingan Rambut (guntingan rambut menggunakan gunting dan sikat)	1	26
10	Guntingan Rambut (guntingan rambut menggunakan <i>razor</i>)	1	26
11	Penghasilan Mee Kuning	2	30
Jumlah Keseluruhan:		14	387

Melalui data dalam jadual 1 dan 2, terdapat dua kluster yang menjadi penanda aras penerimaan pihak komuniti terhadap kursus ditawarkan. Penerimaan ini sejajar dengan jumlah kekerapan penawaran kursus di bawah kluster tersebut dalam tempoh setahun. Selain itu,

berdasarkan ekstrak fail peserta PSH Kolej Komuniti Temerloh pada tahun 2022 pula adalah seperti berikut:

Jadual 3: Senarai Kluster Penawaran Kursus 2022

Bil	Kluster	Jumlah	
		Kursus	Peserta
1	Aneka Bouquet (MUIP Pahang)	1	20
2	Asas Bacaan Al-Quran	1	25
3	Asas Sistem Solar	1	20
4	Asas Sistem Solar Polisas Siri 1&2	2	20
6	Penghasilan Roti Berinti Dan Roti Sosej	1	13
7	Pegurusan Jenazah	1	20
8	Pktp22 Tem10 Aneka Sushi Siri 1 &2	2	20
10	Pktp22 Tem3 Penyelenggaraan Penyaman Udara Siri 1&2	2	23
12	Pktp22 Tem4 Penghasilan Makanan Sejuk Beku Siri 1&2	2	20
14	Pktp22 Tem6 Gutingan Rambut Lelaki Siri 1&2	2	23
16	Pktp22 Tem9 Guntingan Rambut Wanita Siri 1&2	2	32
Jumlah Keseluruhan:		17	387

Perbincangan

Berdasarkan rajah dan jadual yang dikemukakan di atas, terdapat tiga asas telah diketengahkan iaitu pertama perkembangan kursus, penyertaan dari segi jantina dan jenis kursus yang ditawarkan. Berdasarkan data yang dibentangkan, kajian ini merumuskan dan mencadangkan perkara berikut:

- a. Perkembangan penerimaan komuniti mempunyai peningkatan antara tahun 2020 dan 2021. Penyertaan yang rendah pada tahun 2020 mempunyai dengan pandemik COVID 19 yang melanda seluruh dunia. Manakala, bagi tahun 2021, penawaran ditingkatkan dan berjaya mencapai angka yang lebih berbanding tahun sebelumnya. Seterusnya berlaku perbezaan menurun sebanyak 13 peserta. Bagaimanapun, angka ini tidak memberi tanda signifikan terhadap perkembangan penerimaan komuniti terhadap PISH.
- b. Jumlah penyertaan PISH didominasi kaum Melayu merupakan perkara kedua yang ingin diketengahkan dalam kajian. Hal ini disebabkan skop dan limitasi PISH adalah pada bentuk pendidikan Islam dan golongan yang dilatari pengajian Islam. Kekangan penyertaan dari golongan muslim bukan kaum Melayu disebabkan ketiadaan organisasi khusus berkaitan dalam bentuk yang besar di Kawasan Temerloh. Bagaimanapun, hal ini boleh di atasi dengan kerjasama Kolej Komuniti Temerloh bersama badan yang berkaitan seperti persatuan Cina Muslim atau India muslim.
- c. Penyertaan dari segi jantina mempunyai hubungan dengan penawaran kursus. Sebahagian kursus akan didominasi peserta lelaki dan begitu juga sebaliknya. Justeru, pihak jabatan pembelajaran sepanjang hayat dicadangkan untuk membuat penetapan

kursus yang berorientasikan jantungina secara seimbang supaya penyertaan PISH dapat dipertingkatkan.

KESIMPULAN

Pembelajaran sepanjang hayat (PSH) merupakan pelaksanaan pelbagai aktiviti dan kursus pendek dengan berteraskan pembelajaran yang boleh diikuti hingga akhir hayat. Di samping itu juga, Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) ini bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan keterampilan kepada individu, masyarakat dan pembangunan negara. Kajian mendapati, penerimaan dan penglibatan komuniti dalam kursus berkaitan Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat (PISH) ini adalah sangat relevan dikekalkan. Hal ini kerana, pendidikan Islam kepada lapisan masyarakat dapat memvariasikan sesuatu ilmu kemahiran serta kepakaran melalui budaya dan amalan Islam. Peningkatan bukan sahaja berlaku, bahkan turut mencapai aras minimum pada penunjuk prestasi (*Key Performance Index*) sebagaimana yang ditetapkan pihak Jabatan Politeknik dan Kolej Komuniti. Seterusnya, kajian telah mencadangkan strategi bagi mempertingkatkan dan melahirkan keseimbangan penyertaan. Antaranya adalah menerusi strategi secara kerjasama dengan badan bukan kerajaan atau entiti berkaitan. Selain itu, penganjuran kursus PISH berorientasikan jantungina adalah satu bentuk yang dapat melahirkan keseimbangan penyertaan.

RUJUKAN

- Amir Md Noor. 2014. Industry and community participation in lifelong learning and collaboration with service providers. *Ucapan International Seminar on Lifelong Learning*, Kuala Lumpur, 25-26 Ogos.
- DR.01111989. Penyata Rasmi Dewan Rakyat. 1989, 1 Nov. Jil. 3. Bil. 38.
- DR.02111999. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. 1999, 2 Nov. Bil. 41.
- DR.03042001. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. 2001, 3 April. Bil. 8.
- DR.03111999. Penyata Rasmi Parlimen Dewan Rakyat. 1999, 3 Nov. Bil. 42.
- Fail Rekod Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Temerloh, 2022.
- Fail Rekod Pembelajaran Islam Sepanjang Hayat Kolej Komuniti Temerloh, 2022.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. *Laporan Kiraan Permulaan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia*.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. 2023. Banci Malaysia 2020. Diakses [<https://open.dosm.gov.my/kawasanku/pahang/district/temerloh>].
- Mohd Faizullah Mohamed, Badaruddin Ibrahim & Norlida Shaari. 2014. Tinjauan terhadap keberkesanan program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) di Kolej Komuniti, Kementerian Pendidikan Malaysia. *Kertas Kerja Persidangan Pendidikan (Penyelidikan dan Inovasi) dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (CiE-TVET) kali ke-4*.
- Mohd Ismail Abd Aziz. 2018. Amanat Ketua Pengarah Tahun Baru 2018. *Ucapan Amanat Tahun Baharu*, Politeknik Negeri Sembilan, 12 Januari.

- Razzian Mat Razali, Rasmuna Hussain & Ahmad Khairunizam Zulkifli. 2017. Laporan kajian persepsi warga kolej komuniti terhadap peranan dan fungsi kolej komuniti. *Politeknik & Kolej Komuniti Journal of Life Long Learning*, 1(1): 86-99.
- Nor Atikah Mohd Nawi. 2020. Pelaksanaan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) Kolej Komuniti Tapah dan Implikasinya terhadap Maahad Tahfiz di Sekitar Tapah. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan ke-5 (PASAK5 2020)*.